

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 03 Julai 2021 18:00
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Timba Pengalaman Baharu Ketika PKPD



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 JULAI 2021 / 23 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Berita dan gambar oleh: Raja Muhammad Faiz Raja Iskandar (Pelajar Pelatih dari SMMTC)

PELAJAR TIMBA PENGALAMAN BAHARU KETIKA PKPD



UUM ONLINE: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Universiti Utara Malaysia (UUM) selama 14 hari pada 13 Jun lalu telah memberikan satu pengalaman baharu kepada seluruh warga UUM, khususnya pelajar yang berada di dalam kampus sepanjang tempoh tersebut.

Pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Kamarul Muhaimin berkata, pada mulanya dia agak terkejut apabila mendapat tahu tentang pelaksanaan PKPD di UUM itu, namun menerima berita tersebut dengan tenang dan menganggap ia sebagai satu pengalaman baru.

Menurutnya, dia yakin dan percaya pengurusan universiti telah melakukan yang terbaik bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar di dalam kampus terjamin.

"Ibu dan bapa di Bera, Pahang juga telah dimaklumkan sejurus pengumuman PKPD ini dan saya meminta mereka agar tidak risau, malah kedua ibu bapa saya juga senang hati mengetahui bahawa saya berada dalam keadaan baik sehingga kini, malah mereka berterima kasih kepada universiti yang mengutamakan kebajikan pelajar.

"Saya berdoa pandemik Covid-19 ini akan segera berakhir kerana saya ingin mengikuti kelas seperti sebelum ini dan menjalani kehidupan normal meskipun perlu mengadaptasi norma baharu seperti memakai pelitup muka ke mana sahaja selepas ini," katanya.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia, Raja Mohd Arif Raja Ahmad Yusoff berkata, sepanjang pelaksanaan PKPD ini, dia dan rakan-rakan yang lain hanya berada di bilik masing-masing sahaja.

Menurutnya, suasana agak janggal pada mulanya dan sunyi sahaja sepanjang tempoh tersebut, tetapi lama-kelamaan mula menyesuaikan diri, selain perlu melakukan sekatan pergerakan sendiri bagi mengelak penularan wabak Covid-19.

"Saya bersyukur dan berterima kasih kepada pengurusan university yang telah membantu memudahkan urusan kami semua sepanjang berada di dalam kampus, bukan sahaja diberikan makanan percuma sebanyak tiga kali sehari termasuk makanan kering, malah turut dibantu oleh pengurusan Inapan Siswa dan Pusat Penginapan Pelajar (SAC) untuk mendapatkan barang keperluan harian atau barangan mentah.

"Di kesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM atas usaha baik mereka dalam menjaga kebajikan pelajar," katanya.

Manakala pelajar Sarjana Muda Teknologi Media, Nur Syafiqah Azdha Mahamad Subri berkata, pertama kali dia terpaksa melalui pengalaman dikuarantin sebagai langkah pencegahan kerana mengalami gejala demam dan batuk.

Menurutnya, sepanjang tempoh itu, dia melakukan pelbagai aktiviti seperti bersenam dan menyiapkan tugas yang diberikan pensyarah memandangkan tiada sebarang aktiviti akademik yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta juga pentaksiran (tugas, pembentangan kuiz dan sebagainya).

"Ini satu cabaran dan pengalaman baru untuk saya kerana bimbang dijangkiti Covid-19, namun Alhamdulillah kerana saya tidak dijangkiti sebaliknya hanya mengalami demam dan batuk sahaja.

"Saya juga berterima kasih kepada pihak universiti kerana menjaga kebajikan kami sepanjang berada di dalam kampus," katanya ketika dihubungi.

Pelajar Sarjana Muda Sains Ekonomi, Wan Muhammad Syazwi Wan Abdul Rahman pula berkata, tidak dapat dinafikan bahawa pelajar yang menjalani latihan industri perlu berdepan dengan cabaran, bahaya dan risiko yang berbeza di era pandemik ini walaupun mereka bekerja dari rumah (BDR).

“Walaupun bagaimanapun, cabaran ini tidak pernah memudarkan semangat saya untuk terus maju ke hadapan bagi menimba ilmu serta mencari pengalaman baharu untuk menamatkan praktikum dalam tempoh yang telah ditetapkan,” katanya yang menjalani latihan industri di Pusat Kokurikulum.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.